

**MEMO DALAMAN**  
**UNIT PENGURUSAN HOSPITAL KAPIT**

**NO.TELEFON : 084-796333**

<b>RUJ.FAIL</b>	HKPT.100-1/5/1/(1)	<b>TARIKH</b>	<b>24/03/2026</b>
<b>KEPADA</b>	Semua warga Hospital Kapit, Pelawat dan Pesakit	<b>Salinan Kepada :-</b>	
<b>DARIPADA</b>	Pengarah Hospital		
<b>PERKARA</b>	<b>LARANGAN MEROKOK DI KAWASAN DAN DALAM PREMIS HOSPITAL MENGIKUT AKTA KAWALAN PRODUK MEROKOK DEMI KESIHATAN AWAM 2024 (AKTA 852)</b>		

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk. Memo ini dikeluarkan bagi memaklumkan kepada semua warga hospital, pesakit, pelawat dan pengguna perkhidmatan hospital mengenai larangan merokok yang berkuat kuasa di seluruh kawasan dan dalam premis hospital selaras dengan peruntukan Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 (Akta 852).

2. Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 (Akta 852) telah diluluskan oleh Parlimen Malaysia dan merupakan undang-undang utama yang mengawal selia penggunaan produk merokok di Malaysia. Akta ini antara lainya memperuntukkan:

- a. Larangan merokok di tempat-tempat awam yang ditetapkan termasuk kemudahan kesihatan dan hospital (di dalam dan di luar premis);
- b. Larangan merokok dalam kawasan terbuka yang ditentukan bagi menjamin keselamatan dan kesihatan awam;
- c. Kuasa kepada pegawai-pegawai yang ditetapkan untuk menguatkuasakan peruntukan akta ini; dan
- d. Penalti dan tindakan undang-undang ke atas individu yang melanggar larangan ini.

3. Mana-mana individu yang didapati merokok di kawasan larangan merokok dalam hospital ini boleh dikenakan tindakan seperti berikut:

- a. Kompaun pentadbiran mengikut kadar yang ditetapkan di bawah Akta 852;

- b. Pendakwaan di mahkamah yang boleh menyebabkan denda tidak melebihi had yang ditetapkan oleh Akta 852;
- c. Bagi warga hospital (kakitangan), tindakan tatatertib boleh diambil selaras dengan peraturan perkhidmatan awam yang berkuat kuasa; serta

4. Kerjasama dan kepatuhan semua pihak amatlah diperlukan dan dihargai. Marilah kita bersama-sama mewujudkan persekitaran hospital yang bersih, selamat dan bebas asap rokok demi kesihatan pesakit, pengunjung dan semua warga hospital.

Sekian terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



DR GAVIN YAP HAN YONG  
TIMBALAN PENGARAH  
MMC NO. 87998  
HOSPITAL KAPIT

b.p. (DR. FRANCIS LEE NGIE PING)  
Pengarah Hospital  
Hospital Kapit

MA/memodalaman